



SAMBUTAN
JUBLI PERAK | 1997-2022

25 TAHUN *Dipukuh
Kemakmuran*

Laporan Tahunan

2022

Majlis Perbandaran Selayang



Selayangku Sayang

Majlis Perbandaran Selayang © 2023

**DITERBITKAN OLEH
JABATAN KORPORAT**

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS,Persiaran 3,Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.


MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya,bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800
Fax:+603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my



25 TAHUN MPS PENUH KEMAKMURAN

Laporan tahunan Majlis Perbandaran Selayang menampilkan konsep logo sambutan penubuhan yang ke-25 tahun Majlis Perbandaran Selayang. Warna biru dan oren merupakan warna korporat MPS dan digabungkan dengan warna merah dan kuning yang merupakan warna rasmi Negeri Selangor bagi melambangkan MPS merupakan salah satu PBT yang menjadi penggerak utama kemajuan Negeri Selangor. Penggunaan jalur menggambarkan MPS peneraju pengurusan cemerlang ke arah perbandaran mampan dalam menuju transformasi sebagai pengurusan perbandaran kepada seluruh warga Selayang melalui perkhidmatan bertaraf 5 bintang ke arah pembentukan komuniti sejahtera selaras dengan moto MPS Mampan, Progresif dan Sejahtera



SAMBUTAN
JUBLI PERAK | 1997-2022

25 TAHUN *Penuh Kemakmuran*



Informasi Korporat

Sorotan 2022

25 Tahun MPS Penuh

TAHUN 2022 merupakan tahun yang istimewa buat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kerana menyambut ulang tahun penubuhan yang ke-25 tahun. Banyak transformasi, cabaran suka dan duka berjaya diharungi oleh MPS yang menjadikan MPS sebuah perbandaran yang mampan dan makmur seperti hari ini.

Sepanjang tahun 2021, keutamaan MPS adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Selayang. MPS juga memberi fokus kepada aspek keselamatan ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 untuk memastikan masyarakat selamat terutamanya ketika berada di tempat-tempat awam di bawah pentadbiran MPS. Tahun 2022 pula melabuhkan tirai dengan menyaksikan banyak kecemerlangan dan kejayaan yang dapat dibanggakan.

Sempena sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS, pelbagai program telah direncanakan sepanjang tahun 2022 dan menjadi pengenalan kepada orang ramai khususnya warga perbandaran Selayang berkaitan sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS. Antara program yang dilaksanakan sempena sambutan ini adalah Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Perdana sempena Sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS, Karnival Ekstrem Gua Damai Sempena 25 Tahun MPS, Program Eksplorasi Selayangku Sayang, Pertandingan Fotografi Dan Video Pendek Sempena 25 Tahun MPS dan program terbesar adalah Program Tanam 25 Ribu Pokok sempena 25 Tahun MPS.

Tahun 2022 juga menyaksikan MPS memfokuskan pembangunan mampan dan bandar hijau apabila MPS berjaya merangkul tempat pertama Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Perbandaran) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang diadakan di Putrajaya. Dalam pada masa yang sama, Garden 8 Taman Perwira, Gombak juga telah memperoleh kejayaan menjadi pemenang tempat pertama bagi kategori Komuniti Perumahan Bertanah sekali gus merangkul Anugerah Khas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2022.

MPS juga mengambil serius berkaitan tindakan penguatkuasaan dipentadbiran MPS. Antaranya MPS telah mengadakan beberapa siri sesi dialog Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bersama pemilik dan pengusaha kilang bagi memberikan pemahaman serta memberikan penerangan berkaitan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di kawasan Majlis Perbandaran Selayang.

Selain itu, sebanyak 51 operasi telah dilaksanakan oleh MPS sepanjang tahun 2022 di Pasar Harian Selayang. Barisan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS telah menyita lebih 700 bakul pelbagai sayur-sayuran dan 300 bakul pelbagai buah-buahan dalam operasi berkenaan. Kawasan pasar borong itu adalah kawasan sempadan antara wilayah persekutuan dan Selangor. Walau bagaimanpun, MPS bersama agensi berkaitan kerap melakukan operasi bersepada dari masa ke semasa untuk mengatasi aktiviti penjaja haram ini dari terus berleluasa.



Kemakmuran

MPS juga telah memperkenalkan sistem pendigitalan dimana semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian. Pemegang lesen perniagaan hanya perlu mengemaskini maklumat masing-masing di lesendigital.mps.gov.my dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa lagi hadir ke MPS. Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan sistem perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat pentadbiran Selayang.

MPS juga menjalankan kaji selidik untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penduduk terhadap perkhidmatan, kemudahan dan persekitaran Perbandaran Selayang yang akan digunakan untuk tujuan peningkatan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di kawasan MPS.

Usaha dan kejayaan yang dicapai oleh MPS sepanjang tahun 2022 ini adalah merupakan kerjasama dan komitmen daripada seluruh warga kerja MPS, Ahli-Ahli Majlis, agensi kerajaan, pihak swasta serta semua pemegang taruh di seluruh pentadbiran perbandaran Selayang. Sokongan padu sepanjang 25 tahun ini menjadikan MPS sebuah perbandaran yang mampan, penuh kemakmuran dan kelestarian.





Selayang Pandang

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Ia merupakan kenaikan taraf dari Majlis Daerah Gombak yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1977. Kawasan MPS berada di dalam lingkungan konurbasi Kuala Lumpur.

Keluasan kawasan MPS adalah 54,559.00 hektar dan terletak di dalam Daerah Gombak dan bersempadan dengan Negeri Pahang. Kawasan pentadbiran MPS bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ),

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), dan juga bersempadan dengan Majlis Perbandaran Bentong (MPB).

Penduduk Perbandaran Selayang berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9% (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5% (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6% (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan

pertanian.

Sebanyak 45.3% kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Hutan Simpan Bukit Lagong, Hutan Simpan Kanching, Hutan Simpan Ulu Gombak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tадahan hujan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi



yang menarik seperti Muzium Orang Asli, Selangor Fruit Valley, Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam, Tasik Biru Kundang dan Taman Rimba Bukit Lagong.

Terdapat 8 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves, Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS dengan mengambil kira kualiti alam sekitar.



Maklumat Asas

Luas Kawasan	545.59 KM2
Mukim	Mukim Batu Mukim Rawang Mukim Setapak
Bandar Utama	Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves, Bandar Country Homes.

Jumlah Penduduk 677,000 (2017)

Ibu Pejabat

Persiaran 3,
Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 6126 5800

Pejabat Cawangan

Pejabat Cawangan MPS Rawang
Jalan Bandar Rawang 2,
Bandar Baru Rawang,
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

Pejabat Cawangan MPS Wangsa Permai

Taman Wangsa Permai
Jalan Utama,
Taman Wangsa Permai,
52200 Kepong, Selangor Darul Ehsan

Pejabat Cawangan MPS Seri Gombak

Taman Seri Gombak
Dewan Beringin,
Taman Seri Gombak,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Senarai Wakil Rakyat di Perbandaran Selayang

P098	Parlimen Gombak YB Dato' Seri Azmin Ali
P097	Parlimen Selayang YB William Leong Jee Keen
P107	Parlimen Sungai Buloh YB Sivarasa Rasiah
N13	ADUN Kuang YB Sallehudin Amiruddin
N14	ADUN Rawang YB Chua Wei Kiat
N15	ADUN Taman Templer YB Mohd Sany Hamzan
N16	ADUN Sungai Tua YAB Dato' Seri Amirudin Shari
N17	ADUN Gombak Setia YB Hilman Idham
N37	ADUN Paya Jaras YB Mohd Khairuddin Othman
N38	ADUN Bukit Lanjan YB Elizabeth Wong Keat Ping

VISI MPS

Majlis Perbandaran Selayang
Pemacu Perbandaran Berdaya
Huni Ke Arah Status Bandaraya
Pada 2030

MISI MPS

Memperkasa Pengurusan
Perbandaran Ke Arah Komuniti
Harmoni Kehidupan Lestari
Serta Persekutuan Mampan


OBJEKTIF MPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai "Kawasan Taman Dalam Bandar".
- Menggerakkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

PIAGAM PELANGGAN

- Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
- Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
- Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
- Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sejaan secara adil.
- Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisien supaya pembangunan tanah mencapai imbalan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.

LOGO MPS



LAGU RASMI

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.

Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuah Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang
Bersama MPS Kita Jayakan
Menuju Wawasan Negara.

Mampan Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memungkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.

MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

(Ulang Korus I)

BUNGA RASMI



BUNGA SIANTAN IXORA SUNKIST

PENGELASAN SAINTIFIK

ALAM	Tumbuhan
DIVISI	Magnoliophyta
KELAS	Magnoliopsida
ORDER	Gentianales
FAMILI	Rubiaceae
GENUS	Ixora
SPESIES	I. jawa
BINOMIAL	Ixora jawa

KAWASAN PENTADBIRAN MPS

KAWASAN PENTADBIR



AN MPS

LU SELANGOR

MAJLIS PERBANDARAN
BENTONG (MPBENTONG)
PAHANG

KAWASAN PEMELIHARAAN

SELAYANG
SRI GOMBAK

Bandar Baru
Universiti

Bandar Baru
Selayang

Batu Caves

GOMBAK


MAJLIS PERBANDARAN
AMPANG JAYA
(MPAJ)

DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR
(DBKL)


546KM²

DEMOGRAFI Penduduk

Analisa
Demografi
Terkini



Kawasan pentadbiran Selayang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi dengan statistik sehingga tahun 2017 adalah pada kadar 677 ribu dan anggaran pada tahun 2030 mencecah 1 juta penduduk.





51.7% (350,760)



48.3% (331,446)



**NISBAH 106 LELAKI
UNTUK SETIAP 100 WANITA**




isi rumah

167,530



Purata Saiz Isi Rumah
4.1 ORANG / ISI RUMAH

kelas umur 2017



Warga Emas	23,965 3.42
Kanak-Kanak	174,420 26%
Pekerja	479,440 71%

BARISAN PENGURUSAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2022



Tuan Mohd Yazid bin Sairi

Yang Dipertua MPS



Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman

Timbalan Yang Dipertua MPS



BARISAN AHLI MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2022



Tuan Mohd Yazid bin Sairi

Yang Dipertua MPS

Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman

Timbalan Yang Dipertua MPS



Tuan Ahmad Farizal bin
Manaff
Zon 1



YAD. Dato' Paduka Raja Tan
Sri Dato' Hj. Wan Mahmood bin
Pa'wan Teh
Zon 2



Tuan Ahmad Usamah
bin Zulkifli
Zon 3



Tn Anuar bin Jasmin
Zon 4



Pn. Ruhanah binti Masruki
Zon 5



Tuan Amir Fazlee
bin Khalid
Zon 6



Tuan Deveandran
a/l Selvaraju
Zon 7



Tuan Mohammad
Faizal bin Ismail
Zon 8



Tuan Muhammad
Shamsuzzaman bin Mohd.
Suhaimi
Zon 9



Tuan Ahmad Zahiri bin
Zahid Sofian
Zon 10



Tuan Wan Anwar bin
Wan Ibrahim
Zon 11



Tuan U Chin Ong
Zon 12



Puan Tam Kar Lye
Zon 13



Tuan Haji Sulaiman bin Abu
Samah
Zon 14



Tuan Haji Muhammad
Najmi bin Samsudin
Zon 15



Tuan Anmuniandy a/l
Vellymalai
Zon 16



Puan P.mariammal a/p
S.ponnusamy
Zon 17



Puan Loo Voon May
Zon 18



Tuan Saharudin bin Abu
Bakar
Zon 19



Tuan. Ranjan bin Che' Ros
Zon 20



Puan Zuraidah
binti Abdul Majid
Zon 21



Tuan Ng Kok Chuan
Zon 22



Tuan Cheong Heng Wai
Zon 23



Tuan Fok Wai Mun
Zon 24

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Majlis Perbandaran Selayang dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Selayang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Selayang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Selayang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Selayang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Perbandaran Selayang tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 OGOS 2023



**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ASET			
Aset Semasa:			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	43,110,089	45,159,338
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	477,387	99,305
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	5,408,376	5,627,616
Simpanan Tetap	6	497,000,000	427,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	10,199,714	36,847,125
Inventori Bangunan	8	1,346,000	1,456,000
Jumlah Aset Semasa		557,541,566	516,189,384
Aset Bukan Semasa			
Simpanan Tetap	6	30,000,000	30,000,000
Hartanah, Loji dan Peralatan	9	1,030,079,843	1,044,556,706
Hartanah Pelaburan	10	6,844,487	6,885,016
Aset Tak Ketara	11	422,027	454,822
Aset Dalam Pembinaan	12	1,637,599	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,068,983,956	1,081,896,544
Jumlah Aset		1,626,525,522	1,598,085,928
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	13	153,860,018	151,512,047
Akaun Amanah	14	256,499,933	234,078,780
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	649,670	786,763
Pinjaman Kerajaan Negeri	16	590,700	-
Pinjaman Sewa Beli	17	1,456,851	1,502,168
Jumlah Liabiliti Semasa		413,057,172	387,879,758
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	1,925,998	1,773,120
Pinjaman Sewa Beli	17	2,444,749	2,786,527
Pendapatan Tertunda	18	345,640	420,488
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		4,716,387	4,980,135
Jumlah Liabiliti		417,773,559	392,859,893
Aset Bersih		1,208,751,963	1,205,226,035
EKUITI:			
Kumpulan Wang Majlis	19	1,208,498,998	1,204,981,865
Tabung Amanah Kakitangan	20	252,965	244,170
Jumlah Ekuiti		1,208,751,963	1,205,226,035

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<u>HASIL</u>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	21	252,220,003	208,890,394
Urus Niaga Pertukaran	22	22,404,050	19,279,366
Pelbagai Hasil	23	<u>7,017,131</u>	<u>16,479,124</u>
JUMLAH HASIL		<u>281,641,184</u>	<u>244,648,884</u>
<u>PERBELANJAAN</u>			
PERBELANJAAN MENGURUS			
Emolumen	24	58,654,888	55,551,745
Perkhidmatan dan Bekalan	25	60,846,765	53,426,147
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	26	552,349	306,622
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	27	<u>38,218,330</u>	<u>45,344,022</u>
		<u>158,272,332</u>	<u>154,628,536</u>
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Perkhidmatan dan Bekalan	28	118,825,462	83,552,748
Aset	29	558,241	833,253
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	30	269,738	278,876
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	31	<u>98,278</u>	<u>86,237</u>
		<u>119,751,719</u>	<u>84,751,114</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>278,024,051</u>	<u>239,379,650</u>
LEBIHAN BAGI TAHUN		<u>3,617,133</u>	<u>5,269,234</u>



Kawasan Pelancongan

#Terokai Selayang

Discover Selayang



**SELAYANG
DESTINASI LENGKAP
PELANCONGAN
ANDA!**



Fakta Menarik Selayang



Batu Caves

Batu Caves merupakan Gua Batu Kapur semula jadi yang menjadi tumpuan lebih 5 juta pengunjung agama Hindu. Disini juga terletak Patung Dewi Murugan tertinggi di dunia.



Guadamai

Merupakan kawasan pelancongan sukan ekstreem yang menawarkan aktiviti rock climbing, abseiling, flying fox, eksplorasi gua, Bungee Jump dan hadiah berkeluarga.



FRIM

Dengan keluasan 600 hektar, Forest Research Institute Malaysia (FRIM) dikelilingi Hutan Simpan Bukit Lagong, Kepong. Selain berjogging dan bersenam di taman-taman semula jadinya, tarikan utama di FRIM ialah 'Sky Walk'. Di sini anda boleh bersiar-siar sambil melihat kanopi pokok-pokok hutan tertinggi di Malaysia yang menakjubkan.



Hutan Rekreasi

MPS terkenal dengan hutan simpan yang mempunyai kawasan rekreasi hutan, air terjun dan sungai antara Taman Rimba Tempil, Taman Rimba Tempil, Taman Eko Rimba Kanching, Taman Eko Rimba Komaniwell, Taman Rimba Bukit Lagong, Hutan Lipur Stg. Tua (HULSTA).



Batu Arang

Batu Arang merupakan bandar wairisan yang mempunyai Batu Arang menjadi tumpuan aktiviti berbasikal dan bandar ini menjadi terkenal di kalangan peninggang basikal kerana susunnya yang nyaman dengan pemandangan indah.



Dark Caves

Merupakan permatang dalam matangkota Batu Caves. Gua sangat luas dengan lebuh melebihi 2 km yang boleh dilewati dan salah satu gua terbesar yang diketahui di Asia serta beresmenan berkenaan penyelidikan eko-pelancongan gua.



Imbas kod QR dan www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut tentang tarikan pelancongan di Selangor

PELANCONGAN

#Terokai Selayang

Discover Selayang

01

Taman Rimba Bukit Lagong

Telefon

: 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat

: Hutan Lipur Bukit Lagong, Gombak Selangor.

Kod QR Lokasi



02

Taman Rimba Templer

Telefon

: 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat

: Taman Rimba Templer, 48000 Rawang Selangor.

Kod QR Lokasi



03

Hutan Lipur Kanching

Telefon

: 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat

: Hutan Lipur Kanching, 48000 Rawang, Selangor.

Kod QR Lokasi



PELANCONGAN



04

Hutan Lipur Sungai Tua

Telefon : 03 - 6126 5800
Alamat : Hutan Lipur Sungai Tua, Jalan Ulu Yam, Selangor.
Kod QR Lokasi



05

Taman Rimba Komenwel

Telefon : 03 - 6126 5800 / 6120 2962
Alamat : Taman Rimba Komanwel, Jalan Kuala Lumpur 48000 Rawang, Selangor.
Kod QR Lokasi



06

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Telefon : 03 - 6279 7649 / 6279 7592
Alamat : Forest Research Institute of Malaysia, Jalan Foxworthy 68100 Kuala Lumpur, Selangor.
Kod QR Lokasi



07

Muzium Orang Asli

Telefon : 03 - 6186 8796
Alamat : Orang Asli Museum, Gombak ,Selangor
Kod QR Lokasi



08

Bandar Warisan Batu Arang

Telefon : 03 - 6126 5800

Alamat : Batu Arang, Rawang, Selangor

Kod QR Lokasi



Pekan Warisan Batu Arang merupakan bekas lombong arang batu yang telah wujud sejak tahun 1908 oleh orang Melayu. Arang batu terhasil dari hutan yang luas dan rimba paku-pakis tumbuh di paya dan lagun yang cetek. Terdapat pelbagai peninggalan yang menjadikan bahan sejarah iaitu terowong dan menara api.



09

Kolam Air Panas Selayang

Telefon : 03 - 6126 5800

Alamat

Kod QR Lokasi



: Kilometer 15, Jalan Ipoh 68100 Batu Caves, Selangor

Kolam Air Panas Selayang di kilometer 15, Jalan Ipoh jalan raya utama Kuala Lumpur ke Rawang. Terdapat 3 kolam utama di sini yang membekalkan air panas semulajadi dari bawah tanah. Khasiat air panas semulajadi yang terdapat di kolam ini dipercayai boleh dijadikan sebagai kaedah alternatif kepada pelbagai masalah kesihatan terutama masalah berkaitan kulit.



10

Taman Ekstrem Gua Damai

Telefon : 03 - 6126 5800

Alamat : Taman Ekstrem Gua Damai, Kampung

Melayu Wira Damai, 68100 Batu Caves, Selangor

Kod QR Lokasi



Gua Damai terletak berhampiran dengan Batu Caves. Bagi penggemar "Rock Climbing", Gua Damai ini dijadikan sebagai tempat latihan dan aktiviti memanjat Batu Kapur. Pelbagai kemudahan awam disediakan di kawasan ini untuk keselesaan pengunjung. Antara pertandingan yang dijalankan di Gua Damai adalah kejohanan "Rock Climbing", kejohanan "Base Jump" dan kejohanan BMX.



PELANCONGAN



11

Stadium Majlis Perbandaran Selayang

Telefon

: 03 - 6126 5800

Alamat

: Stadium MPS Jalan 2/1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves Selangor.

Kod QR Lokasi



Stadium MPS ini dibina bagi memudahkan aktiviti-aktiviti sukan seperti bola sepak, olahraga dan sebagainya. Stadium ini mampu memuatkan seramai 12 000 penonton. Di samping itu terdapat pelbagai kemudahan disediakan di Stadium MPS seperti pusat gimnasium, pusat ICT dan gerai.



12

Kompleks Renang Sri Siantan

Telefon

: 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat

: Stadium MPS Jalan 2/1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves Selangor.

Kod QR Lokasi



Kompleks Renang Sri Siantan yang siap dibina pada tahun 2003 menyediakan sebuah kolam besar bersaiz olimpik dan sebuah kolam kecil untuk kanak-kanak. Kompleks renang ini menjadi lokasi bagi acara-acara akuatik serta mampu memuatkan sehingga 1500 orang penonton. Selain itu juga, terdapat beberapa kemudahan yang disediakan kepada semua pengunjung antaranya tandas, tempat persalinan baju, pengering rambut, loker dan gerai makan. Kadar bayaran dikenakan sebanyak RM 3 bagi dewasa dan RM 2 bagi kanak-kanak.



13

Kuil Batu Caves

Telefon

: Batu Caves, Selangor.

Alamat

Kod QR Lokasi



Batu Caves merupakan tempat ibadat suci bagi kaum India beragama Hindu yang tinggal di Malaysia. Ia merupakan tempat yang sangat popular untuk pengunjung dari dalam maupun luar negara. Lokasi ini menjadi tarikan pelbagai pihak terutamanya bagi festival Hindu iaitu, Thaipusam. Batu Caves mempunyai tiga gua utama. Para pengunjung yang ingin menaiki dan memasuki gua perlulah mendaki 272 anak tangga dan ini merupakan salah satu daripada tarikan pengunjung ke Batu Caves.

MUKASURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

Galeri Aktiviti



JANUARI

PELANCARAN LOGO SAMBUTAN 25 TAHUN MPS

10 JANUARI 2022

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU YDP MPS

10 JANUARI 2022



BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT 25 TAHUN JUBLI PERAK MPS

27 JANUARI 2022

KUNJUNGAN HORMAT TSUK (PENGURUSAN) KE MPS

28 JANUARI 2022



PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM KITAR SEMULA MPS

28 JANUARI 2022

CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MYMPS

28 FEBRUARI 2022

AMANAT TAHUN BAHARU DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

24 JANUARI 2022



FEBRUARI



MAC

TAKLIMAT PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) MPS

7-8 MAC 2022



TAKLIMAT BERSAMA PENGELOLA BAZAR RAMADAN

17 MAC 2022



FOCUS GROUP DISCUSSION BAGI PENYEDIAAN SDGS ROADMAP MPS

17-18 MAC 2022



PROGRAM SKY WALK SEMPENA HARI WANITA

19 MAC 2022



PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM KITAR SEMULA MPS

28 JANUARI 2022



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

APRIL

1 APRIL 2022

SAMBUTAN AMBANG RAMADAN 1443H

5-4 APRIL 2022



PERTANDINGAN 'CETUS IDEA KIK' MPS

15 APRIL 2022



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN KACAU DODOL

21 APRIL 2022



PROGRAM KTK BERSAMA PEMILIK PREMIS KAWASAN MPS

21 APRIL 2022



PROGRAM KUCING ANGKAT 'WE LOVE CAT' MPS

22 APRIL 2022



SERAHAN SUMBANGAN KAMI PRIHATIN SEMPENA SYAWAL

23 APRIL 2022



PROGRAM IHYA RAMADAN MPS

25 APRIL 2022



CERAMAH AMBANG SYAWAL

27 APRIL 2022



MEI

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK

16 MEI 2022



MAJLIS MESRA AIDILFITRI MPS

27 MEI 2022



JUN

GOTONG-ROYONG PERDANA EKSA MPS

10 JUN 2022



PERASMIAN KARNIVAL GARDEN 8

11 JUN 2022



SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA YANG KE 40

6 JULAI 2022





PROGRAM IBADAH KORBAN MPS TAHUN 1443H

13 JULAI 2022



JELAJAH SELANGOR PENYAYANG PERINGKAT DAERAH GOMBAK

31 JULAI 2022



OGOS

SAMBUTAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG MPS

15 OGOS 2022



SESI PENILAIAN KEBANGSAAN BAGI (GHL GEOPARK) MPS

17 OGOS 2022





SEPTEMBER

PENYERAHAN
BENDERA KEPADA
PASUKAN ANGKAT
SUKMA NEGERI
SELANGOR



LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA IPOH KE MPS

8 SEPTEMBER 2022



PROGRAM KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI MPS

10-11 SEPTEMBER
2022



KURSUS PENYELENGGARAN POKOK AMENTI & KAEDAH ARBORIKULTUR

15 SEPTEMBER 2022





MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT MPS

23 SEPTEMBER 2022



SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH GOMBAK

24 SEPTEMBER 2022



OKTOBER

SAMBUTAN HARI SUKEH NEGARA PERINGKAT DAERAH GOMBAK

8 OKTOBER 2022



BICARA ILMU MAULIDUR RASUL PERINGKAT MPS 1444H

14 OKTOBER 2022





PELANCARAN BUKU PELAN (CRM) DAN BUKU PELEN (OACP) MPS

17 OKTOBER 2022



DIALOG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASHUAH MALAYSIA

17 OKTOBER 2022



PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM BANDAR BATU ARANG 2030

21 OKTOBER 2022



PROGRAM KUCING ANGKAT 'SAYANGI KUCING JALANAN' MPS

27 OKTOBER 2022



NOVEMBER

PROGRAM BIG BOYS' SHIELDS MPS 2022

2-3 NOVEMBER 2022



AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

9-11 NOVEMBER 2022



PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH MPS 2022

24 NOVEMBER 2022



KEMPEN DERMA DARAH KERJASAMA PUSAT DARAH NEGARA

24 NOVEMBER 2022



CERAMAH AGAMA 'FARAI DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA'

24 NOVEMBER 2022





MAJLIS KOMUNITI PENDIDIKAN MPS 2022

26 NOVEMBER 2022



DISEMBER

SESI TOWN HALL JPSPK BERSAMA WAKIL PENDUDUK & BADAN PENGURUSAN STRATA

5 DISEMBER 2022



KUNJUNG HORMAT (TNB) DAN KUALA KE MPS

7 DISEMBER 2022




PERTANDINGAN BATTLE OF THE BAND MPS

10 DISEMBER 2022



SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI MPS

16 DISEMBER 2022



PROGRAM TANAM 25 RIBU POKOK SEMPENA 25 TAHUN MPS

17 DISEMBER 2021





Laporan Jabatan

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN
Perbendaharaan

JABATAN Perpendaharaan

Jabatan Perpendaharaan MPS bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS. Jabatan ini diketuai oleh Tn. Hj. Az'har bin Samsuri sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh 68 orang kakitangan di bawahnya.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perpendaharaan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mewujudkan sistem perakaunan Majlis Perbandaran Selayang dengan berdasarkan kepada prinsip - prinsip perakaunan, arahan perpendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan Majlis.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan Mesyuarat Majlis dan menyediakan penyata kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran Majlis.



> Pengarah Jabatan

Tuan Haji Az'har Bin Samsuri

> Timbalan Pengarah

Puan Rohayu Binti Ramli

> Ketua Kerani

1. Puan Zamilah
Binti Mohd Noor

> Bahagian / Unit

Bhg. Hasil
Bhg. Kewangan Bhg.
Pentadbiran

> Jumlah Kakitangan

68 orang

Sayap A, Tingkat 1,
Menara MPS
03-6126 5953

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2022

ANGGARAN HASIL	JUMLAH (RM)	%
Hasil Cukai	108,062,500	57
Hasil Bukan Cukai	70,537,460	37
Terimaan Bukan Hasil	10,670,040	6
Jumlah Hasil	189,270,000	100
Anggaran Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	45,939,770	34
Perkhidmatan Dan Bekalan	83,333,360	61
Aset	1,303,800	1
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	3,997,140	3
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	1,279,600	1
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	135,853,670	72
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan		
Perkhidmatan Dan Bekalan	51,159,130	96
Aset	1,019,660	2
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	340,000	1
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	897,540	2
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	53,416,330	28
JUMLAH PERBELANJAAN	189,270,000	100
Surplus / (Defisit)	0	
(BERIMBANG)		

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN **Korporat**

JABATAN Korporat

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Perhubungan Awam, Penerbitan, Inovasi dan Aduan. Jabatan Korporat diketuai oleh En. Mohamad Zin bin Masoad sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 28 orang staf dibawah beliau.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat Majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada Media Massa.
- Mengumpul keratan akhbar bagi berita berkaitan MPS untuk maklum balas tindakan.
- Menerima dan menyalaras aduan awam untuk tindakan.
- Menyelaras semua acara dan program rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urus setia program kualiti dan penyertaan anugerah.
- Mengendalikan Platform Sosial Media MPS.



Pengarah Jabatan

Encik Mohamad Zin bin
Masoad

➤ Timbalan Pengarah

Encik Ahmad Fauzi bin Ishak

➤ Ketua Kerani

Puan Atiqah binti Yahya

➤ Bahagian / Unit

Bhg. Perhubungan Awam

Bhg. Aduan

Bhg. Inovasi

Bhg. Penerbitan

➤ Jumlah Kakitangan

28 orang

Sayap B, Tingkat 7,
Menara MPS
03-6126 5824

PROGRAM RASMI MPS BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2022

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
Majlis Amanat Tahun Baharu Tuan Yang Dipertua Mps 2022 Dan Pelancaran Logo Sambutan 25 Tahun Mps	Dewan Keraian	10/1/2022
Majlis Bacaan Yasin Dan Doa Selamat Sempena Sambutan 25 Tahun Jubli Perak Mps	Masjid Jamek Al-Amaniah, Taman Amaniah	27/1/2022
Majlis Penyampaian Hadiah Program Kitar Semula E-Waste Dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai	Lobi Bangunan Lama	28/2/2022
Program Cabutan Bertuah 2021 Sebagai Penghargaan Kepada Pembayar Cukai Taksiran Mps	Dewan Keraian	28/2/2022
Taklimat Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Mps (Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah)	Mercure Hotels, Selayang	7 – 8/3/2022
Sesi Taklimat Bersama Pengelola Bazar Ramadan Tahun 2022 Mps	Bilik Siantan	17/3/2022
Sesi Focus Group Discussion (FGD) Bagi Penyediaan Sustainable Development Goals (SDGS) Roadmap MPS	Everly Hotel, Putrajaya	17 – 18/3/2022
Program Sambutan Hari Wanita MPS 2022	Frim, Kepong	19/3/2022
Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Program Kitar Semula E-Waste Dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Peringkat MPS Tahun 2022	Bilik Siantan	28/3/2022
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS Tahun 2021	Templers Ballroom, Setia Eco Templer Park Rawang	1/4/2022
Majlis Perhimpunan Bulanan April & Sambutan Ambang Ramadan 1443h/2022m Peringkat MPS	Dewan Keraian	5/4/2022
Pertandingan 'Cetus Idea KIK' Peringkat MPS Tahun 2022	Bilik Siantan	15/4/2022
Program Memasak Bubur Lambuk Dan Kacau Dodol Peringkat MPS	Perkarangan Tempat Letak Kereta MPS	21/4/2022
Penyerahan Sumbangan Logistik Kepada Ipd Gombak Dan IPD Sungai Buloh	IPD Gombak	21/4/2022
Program Kilang Tanpa Kebenaran Bagi Kawasan MPS Bersama Pengusaha Premis Dan Pemilik Di Kawasan Rawang.	Dewan Beringin, Taman Sri Gombak	21/4/2022
Program Kucing Angkat 'We Love Cat' Peringkat MPS	Lobi Bangunan Lama MPS	22/4/2022
Majlis Serahan Sumbangan Kami Prihatin Sempena Sambutan Syawal 1443H 2022M	Lobi Bangunan Lama MPS	23/4/2022
Program Ihya' Ramadan Peringkat MPS 2022	Pertubuhan Amal Siraman Kasih, BCH Rawang	25/4/2022
Majlis Ceramah Ambang Syawal Peringkat MPS Dengan Kerjasama KSDK & ANULAE	Dewan Keraian	27/4/2022

Program Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah Gombak Tahun 2022.	Tapak Pasar Malam, Taman Melawati	16/5/2022
Majlis Mesra Aidilfitri MPS Tahun 2022	Perkarangan Menara MPS	27/5/2022
Bengkel Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MPS	Mercure Hotel, Selayang	31/5 – 1/6/2022
Majlis Perhimpunan Bulanan & Program Gotong-Royong Perdana EKSA MPS Bil.1/2022	Dataran MPS	10/6/2022
Majlis Perasmian Karnival Garden 8 Anjuran Komuniti Taman Perwira Setia Bersama MPS & UCTC UPM.	Garden 8, Taman Perwira Gombak	11/6/2022
Sesi Taklimat Program Kilang Tanpa Kebenaran Bagi Kawasan MPS Bersama Pengusaha Premis & Pemilik Di Kawasan MPS.	Dewan Beringin, Taman Sri Gombak	13/6/2022
Konvoi Jelajah Bermotosikal MBPJ Ke MPS Sempena Sambutan Hari Bandaraya Petaling Jaya Ke-16	Dataran MPS	20/6/2022
Sesi Taklimat Program Kilang Tanpa Kebenaran Bagi Kawasan MPS Bersama Pengusaha Premis & Pemilik Di Pentadbiran MPS.	Dewan Siantan, Jalan Sungai Tua	27/6/2022
Program Selayang Prihatin 2.0 Peringkat MPS Bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 2022M/1443H	Lobi Menara MPS	4/7/2022
Sambutan Hari Penguatkuasa Yang Ke-40 Dan Majlis Perhimpunan Bulanan MPS.	Dataran MPS	6/7/2022
Program Ibadah Korban Peringkat MPS Tahun 1443H/2022M	Perkarangan Tempat Letak Kereta	13/7/2022
Program Karnival Jelajah Selangor Penyayang Peringkat Daerah Gombak 2022	Padang Awam Batu Caves	31/7/2022
Majlis Perhimpunan Bulanan & Sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS Tahun 2022	Lobi Menara MPS	15/8/2022
Sesi Penilaian Kebangsaan Bagi Gombak – Hulu Langat Geopark (Ghl Geopark) MPS	Pekan Bt Arang, Taman Ekstrem Gua Damai, Batu Caves	17/8/2022
Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS	Lobi Menara MPS	19/8/2022
Majlis Penyerahan Bendera Kepada Pasukan Angkat Selangor Sempena Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20 Majlis Sukan Negara (MSN) 2022	Lobi Menara MPS	8/9/2022
Lawatan Penandaarasan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) Ke MPS	Bilik Siantan, Bangunan Lama	8/9/2022
Program Karnival Ekstrem Gua Damai (Base Jump)	Taman Ekstrem Gua Damai	10-11/9/2022
Majli Penutup Kursus Penyelenggaran Pokok Ameniti & Aspek Keselamatan Menggunakan Kaedah Terbaik Arborikultur Anjuran Jabatan Landkap MPS	Templer Ballroom Setia Eco Rawang	15/9/2022
Sambutan Hari Wanita Peringkat MPS	Dewan Keraian, Menara MPS	23/9/2022
Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Daerah Gombak	Dewan Bougainvillea, Kampung Sungai Kertas	24/9/2022

Program Pengukuhan Integriti MPS Tahun 2022	Dewan Keraian, Menara MPS	27/9/2022
Operasi Membanteras Penjaja Warga Asing	Pasar Borong Selayang	28/9/2022
Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 Kepada Kakitangan MPS	Lobi MPS	29/9/2022
Cabutan Bertuah MyMPS Bagi Anda Bayar Dan Menang	Dewan Keraian	29/9/2022
Pengauditan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Bagi Tahun 2022	Bilik Anggerik, Menara MPS	3-6/10/2022
Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBs 2022)	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)	6-9/10/2022
Lawatan Penandaarasan Majlis Perbandaran Sungai Petani (Mpspk) Dan Majlis Perbandaran Langkawi Ke MPS	Bilik Anggerik, Menara MPS	7/10/2022
Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Gombak 2022	Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang	8/10/2022
Bicara Ilmu Maulidur Rasul Peringkat MPS 1444H	Lobi Menara MPS	14/10/2022
Majlis Perhimpunan Bulan Oktober 2022 Serta Pelancaran Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Dan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPS	Lobi Menara MPS	17/10/2022
Dialog Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Bersama Ahli Majlis Dan Pengurusan Tertinggi MPS	Dewan Keraian MPS	17/10/2022
Majlis Pelancaran Program Publisiti & Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Batu Arang 2030	Galeri Batu Arang, Pekan Batu Arang	21/10/2022
Sambutan Hari Deepavali, Peringkat MPS 2022	Lobi MPS	24/10/2022
Program Kucing Angkat Sayangi Kucing Jalanan Peringkat MPS	Lobi Menara MPS	27/10/2022
Unit Mampan MPS telah Menyediakan Laporan Berkanaan Dengan Bandar Rendah Karbon MPS Dengan Menjadikan Kompleks Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang Sebagai sebuah Bangunan Yang Rendah Karbon Menjelang tahun 2030. Oleh itu, Jabatan Perancang Bandar telah Menyertai Program LCC Challenge 2030 sebagai langkah awal untuk menjadikan MPS sebagai 'Pilot Project' untuk Bandar Rendah Karbon MPS.

LCC Challenge 2030

MPS telah Menyertai LCC Challenge 2030 yang dianjurkan oleh Pihak Malaysian Green technology Centre (MGrC) dengan memasuki beberapa kategori seperti renaga, Air, Sisa Pepejal dan Kawasan Hijau. MPS juga telah dianugerahkan sebagai Bandar Rendah Karbon dengan pengurangan sebanyak 1,786.11 tCO₂e dan diberikan sebanyak 2 Diamond untuk penganugerahan berikut.



SISTEM MURNInets DAN PROGRAM JABARAN PERANCANG BANDAR

Berikut merupakan sistem dan Program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 oleh Jabatan Perancang Bandar MPS:-

SISTEM MURNInets



MURNInets

- Satu program yang dapat membantu PBr mengumpul data dan maklumat.
- Sebagai program penilaian, penentuan dan pemantauan tahap kemampaman bandar berdasarkan penunjuk penunjuk yang telah ditetapkan.
- tahun 2018 merupakan tahun pertama perlaksanaan MURNInets 2.0 menggunakan set penunjuk dan modus operandi yang baru.

JUMLAH KESELURUHAN KEMAMPMAN PADA TAHUN 2021 ADALAH SEBANYAK :-

91.55 %

ANALISIS RAHAP KEMAMPMAN BANDAR MELALUI SISREM MURNInets 2.0



JUMLAH PENUNJUK MURNInets 2.0



Wawasan 2020, Model Ekonomi Baru (MEB), Ranangan Malaysia Ke-11 (2016-2020),
Ranangan Fikih Negara Ke-3 (RPN Ke-3), Otor Perbadanan Negara 3 (OPN) & Sistem Sektorial





YBRS. TUAH MOHD YAZID
BIN SAIRI

YANG DIPERTUA



Majlis Perbandaran
Selayang





JABATAN
Kejuruteraan

JABATAN Kejuruteraan

Jabatan Kejuruteraan MPS bertanggungjawab mengendalikan 5 Bahagian utama dan 2 Unit iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan, Penyelenggaraan Infrastruktur, Elektrikal, Mekanikal, Urus Selenggaran Bangunan, Unit Cerun dan Pentadbiran. Jabatan Kejuruteraan diketuai oleh Tuan Ir Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya dengan dibantu oleh 143 orang kakitangan dibawah beliau.

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab memastikan infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan diselenggara serta memberi keselesaan kepada warga Selayang. Pemantauan dan pemeriksaan dilaksanakan secara telus agar setiap aduan kerosakan terhadap kemudahan dan infrastruktur diambil tindakan.

FUNGSI JABATAN

Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- Menguruskan Permohonan Lesen Premis/ Penaja Permit Sementara.
- Merancang, membina dan menyelenggara infrastuktur dan kemudahan awam dalam kawasan pentadbiran Majlis.
- Mengambil tindakan aduan awam berhubung penyelenggaraan infrastruktur Majlis.
- Merancang dan melaksanakan projek-projek khas penyelenggaraan dan pembangunan melalui Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan lain-lain agensi melibatkan infrastruktur Majlis.
- Merancang projek-projek pembangunan Majlis yang baru bagi kemudahan orang ramai seperti gerai, pasar, dewan, pondok bas dan lain-lain.
- Memproses permit penutup longkang, penutupan jalan dan korekan jalan bagi orang awam serta agensi-agensi lain.
- Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Majlis bagi setiap bulan.
- Mengawal spesifikasi jadual dan kualiti kerja projek mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Mengawal peruntukan dan pembayaran kepada kontraktor mengikut tempoh masa dan piagam Majlis.



Pengarah Jabatan
Tuan Ir Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya
Timbalan Pengarah
Encik Hazrin Hazizi bin Hussain Sabri
Ketua Kerani
Puan Rozita binti Harun
Encik Faris Adil bin Omar Sudi
Bahagian / Unit
Bhg. Pembangunan
Bhg. Infrastruktur
Bhg. Elektrikal
Bhg. Mekanikal
Jumlah Kakitangan
143 orang
Sayap B, Tingkat 4
Menara MPS
03-6126 5883

Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- Memberi ulasan Kebenaran Merancang (KM) merangkumi ulasan Traffic Impact Assessment (TIA), Road Safety Audit (RSA) dan memberi nilai caj Improvement Service Fund (ISF) dalam tempoh 14 hari.
- Memberi nasihat pra-rundingan kepada perunding kerja tanah (KT), dan Jalan & perparitan (JP) dikemukakan kepada Unit OSC.
- Mengeluarkan ulasan pertama setelah menerima permohonan kelulusan kerja tanah (KT) dan Jalan & Perparitan (JP) daripada OSC dalam tempoh 10 Hari (ISO 2014).
- Mengeluarkan ulasan sokongan G17 dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan dikaunter daripada perunding.
- Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan merangkumi notis berhenti kerja, kompaun dan sitaan.
- Menyediakan Investigation Paper (IP) kepada Jabatan Undang-Undang.
- Menjalankan pemantauan ops lumpur bagi projek pembangunan yang mempunyai kelulusan.
- Memproses permohonan penyerahan penyelenggaraan infrastruktur.
- Memproses pemulangan wang cagaran dan penyelenggaraan akaun wang tidak dituntut (WTD).

Bahagian Elektrikal

- Menyediakan kemudahan lampu jalan, lampu isyarat dan tanda nama jalan.
- Mengambil tindakan aduan berkaitan dengan kerosakkan lampu jalan, lampu isyarat.
- Memproses permohonan kelulusan pelan lampu jalan.
- Pemasangan lampu jalan baru di kawasan perumahan.

Bahagian Elektrikal

- Menyediakan kemudahan lampu jalan, lampu isyarat dan tanda nama jalan.
- Mengambil tindakan aduan berkaitan dengan kerosakkan lampu jalan, lampu isyarat.
- Memproses permohonan kelulusan pelan lampu jalan.
- Pemasangan lampu jalan baru di kawasan perumahan.

Bahagian Mekanikal

- Pembelian kenderaan dan alat-alat mesin untuk pengurusan jabatan-jabatan dalaman Majlis.
- Mengurus menyelenggaraan pembaikan kerosakan jentera dan kenderaan Majlis.
- Memastikan kenderaan diselenggara dan sentiasa dalam keadaan baik.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan dan pemeriksaan kenderaan dari masa kesemasa.
- Menguruskan rekod aset alih kenderaan, jentera, mesin dan peralatan pejabat (mekanikal).
- Menguruskan stor Unit Mekanikal (UPS Mekanikal)
- Menguruskan pengurusan pengangkutan jabatan dalaman Majlis.

Unit Cerun

- Memberi ulasan Kebenaran Merancang (KM) terhadap dokumen sokongan teknikal untuk pembangunan di Majlis Perbandaran Selayang khususnya yang melibatkan pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar, lereng bukit dan tanah tinggi selaras dengan tempoh piawaian standard ISO yang ditetapkan (14 hari).
- Menyertai dan menjadi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS) Negeri Selangor yang bersidang di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Shah Alam.
- Menjalankan inventori cerun dikawasan Majlis Perbandaran Selayang bagi membangunkan sistem pengurusan cerun yang lebih cekap dan efisien.
- Mengambil tindakan terhadap aduan awam berkaitan pemberaan cerun runtuh, penyelenggaraan cerun dan sistem aliran air permukaan.
- Merancang dan melaksanakan projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi berkaitan kerja-kerja kecemasan pemberaan cerun/ tanah runtuh dan penyelenggaraan yang menjelaskan infrastruktur social didalam kawasan majlis Perbandaran Selayang.
- Memeriksa dan memantau pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi secara berkala seterusnya mengesyorkan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis arahan tindakan pemberaan, notis berhenti kerja dan tawaran mengkompaun sekiranya melanggar Akta-Akta dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Bahagian Urus Selenggara Bangunan (USB)

- Merancang, mengawal dan menyelia kerja-kerja penyelenggaraan bangunan milik Majlis yang melibatkan kejuruteraan awam, elektrikal dan mekanikal.
- Mengurus dan mengendali peralatan elektrik dan mekanikal dan lain – lain untuk memastikan peralatan tersebut dapat berfungsi dengan baik.
- Mengurus dan menyelaras aduan-aduan penyelenggaraan bangunan milik Majlis.
- Mengurus perolehan / permohonan pembelian / inden / tuntutan bayaran pembayaran bagi kerja-kerja segera, sebutharga dan tender.
- Menguruskan stor bagi melaksanakan penerimaan, perekodan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengendalian dan pengeluaran stok.
- Membantu mengurus pendaftaran aset-aset yang berkaitan dengan USB seperti penghawa dingin berpusat dan split unit.
- Menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan pejabat, bukan pejabat, lift dan lain-lain.

Unit Pentadbiran

- Menguruskan hal-hal pentadbiran serta aktiviti jabatan.
- Menyelaraskan fail-fail jabatan dan surat-surat jabatan.
- Menyelaraskan aduan jabatan.
- Menguruskan mesyuarat dan penyediaan minit mesyuarat.
- Mengemaskini cuti kakitangan dan memproses elauan lebih masa serta elauan perbatuan.
- Menguruskan alat tulis dan keperluan pejabat.
- Menyediakan inventori jabatan.

Laporan Kerosakan Infrastruktur Tahun 2022

Bil	Aduan	Kerosakan	Penyelesaian
1	Jalan	912	912
2	Longkang	946	946
3	Papan Tanda	68	68
4	Lampu Jalan	1,150	1,150
5	Bonggol	130	130
Jumlah		3206	3206

Laporan Penyelenggaraan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bagi Tahun 2022

DUN	KERJA INDEN	JUMLAH PERMOHONAN FAIL	JUMLAH PERMOHONAN SELESAI
Templer	Longkang	22	22
	Jalan	6	6
	Pembangunan Bukan Pejabat	-	-
	Papan Tanda	1	1
Gombak Setia	Longkang	73	73
	Jalan	2	2
	Pembangunan Bukan Pejabat	1	1
	Papan Tanda	-	-
Sungai Tua	Longkang	51	51
	Jalan	2	2
	Pembangunan Bukan Pejabat	-	-
	Papan Tanda	-	-
Rawang	Longkang	54	54
	Jalan	10	10
	Pembangunan Bukan Pejabat	3	3
	Papan Tanda	3	3
Kuang	Longkang	19	19
	Jalan	6	6
	Pembangunan Bukan Pejabat	1	1
	Papan Tanda	-	-
Paya Jaras	Longkang	22	22
	Jalan	2	2
	Pembangunan Bukan Pejabat	1	1
	Papan Tanda	-	-
Bukit Lanjan	Longkang	47	47
	Jalan	7	7
	Pembangunan Bukan Pejabat	-	-
	Papan Tanda	-	-


Laporan Premix 2022

BULAN	MUKIM		JUMLAH
	BATU	RAWANG	
Januari	64.46	79.86	144.32
Februari	7.30	16.44	23.74
Mac	70.17	87.17	157.34
April	111.97	73.45	185.42
Mei	81.76	70.56	152.32
Jun	47.82	63.02	110.84
Julai	62.66	44.28	106.94
Ogos	146.48	109.00	255.48
September	157.48	73.12	230.60
Oktober	136.08	22.48	158.56
November	124.36	94.18	218.54
Disember	138.16	97.25	235.41
JUMLAH KESELURUHAN	1,148.70	830.81	1,979.51


Laporan Pemantauan Inventori Cerun

KAWASAN CERUN BERISIKO			Jenis Cerun			Pemilik			
BIL KES	MUKIM	TAMAN/KAWASAN	ZON	Jumlah Cerun	Cerun Batuan	Cerun Tanah	Cerun Struktur	MPS	Individu
1	SETAPAK	DESA GEMILANG	1	2	-	2	-	1	1
2	BATU	BUKIT PERMATA	4	2	-	2	-		2
3	BATU	KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA AMAN	23	4	-	-	4	1	3
4	BATU	KAMPUNG SRI INDAH A	21	1	-	1	-	-	1
5	BATU	IDAMAN HILLS	11	8	1	7	-	2	6
6	BATU	CY HITECH	6	2	-	2	-	1	1
7	BATU	TAMAN WANGSA PERMAI	23	10	-	4	6	4	6
8	BATU	TAMAN BUKIT TEMPLER	11	2	-	2	-	-	2
9	SETAPAK	BUKTI LELA	1	1	-	1	-	-	1
10	SETAPAK	SEPANJANG JAJARAN PERMATANG KUARTZA	1	1	-	1	-	-	1
11	SETAPAK	TAMAN SRI GOMBAK FASA		14	-	11	3	8	6
12	BATU	PINGGIRAN TEMPLER	4	4	1	3	-	3	1
13	RAWANG	TEMPLER HEIGHT		14	-	11	3	8	6
14	SETAPAK	VILLA BESTARI	11	4	1	3	-	3	1
15	RAWANG	AMAN SIERRA	11	1	-	1	-	1	-
16	SETAPAK	CEMERLANG HEIGHT	1	2	-	2	-		2
17	SETAPAK	TAMAN HARMONIS	11	5	-	3	2	2	3
18	SETAPAK	BUKIT SENTOSA	2	5	-	4	1	5	-
19	RAWANG	TEMPLER HILL	2	4	-	4	-	-	4
20	BATU	PUNCAK TEMPLER	5	-	4	1	4	1	1
21	RAWANG	BANDAR COUNTRY HOMES	18	1	14	3	13	5	1
22	RAWANG	TAMAN RAWANG PERDANA	18	7	8	3	9	9	9
23	RAWANG	KG. MELAYU BT. 16 DAN SEKITAR	17	-	11	6	12	5	5
24	SETAPAK	GOMBAK TOWN VILLA	1	-	1	-	-	1	1
25	BATU	PRIMA SELAYANG	5	1	2	2	-	5	5
26	BATU	SELAYANG PANDANG	3	-	1	2	2	1	1
27	RAWANG	TASIK PUTERI	25	2	22	1	18	7	7
28	BATU	BANDAR BARU SELAYANG	14	-	10	4	4	10	10
29	BATU	TAMAN AMAN PURI	10	-	3	7	5	5	5
30	BATU	TAMAN INDAH GEMILANG	2	-	2	-	1	1	1
31	RAWANG	BANDAR RAWANG	8	-	5	3	1	7	7
32	RAWANG	RAWANG PUTRA	12	-	7	5	10	2	2
33	RAWANG	PERINDUSTRIAN KUNDANG	7	-	6	1	4	3	3
34	BATU	DESA MINANG	1	-	1	-	1	-	
35	RAWANG	KOTA EMERALD	12	-	7	5	7	5	5
36	BATU	MATANG PAGAR	3	-	3	-	3	-	
37	BATU	SELAYANG UTAMA	5	-	4	1	2	3	3
38	RAWANG	GARING PERMAI	2	-	-	2	2	-	
39	SETAPAK	UIA GOMBAK	1	-	1	-	-	1	1
40	BATU	VELENCIA SG BULOH	8	-	2	6	3	5	5
41	RAWANG	DOLOMITE TEMPLER	4	-	2	2	-	4	4
42	BATU	KEPONG HULU	1	-	1	-	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN				253	13	169	71	131	122

Taburan Lokasi Inventori Cerun
Mps



PETA KERENTANAN TANAH RUNTUH (LANDSLIDE SUSCEPTIBILITY)
SEBAHAGIAN DAERAH GOMBAK
PROJEK PENGHASILAN PETA BAHAYA DAN RISIKO CERUN (PBRC)
FASA 1 (2014-2016)



Pemantauan Dan Penyelenggaraan
Cerun



Pembaikan tanah runtuh di Apartment Teratai, Bandar Baru Selayang

PROJEK	:	CADANGAN REKA DAN BINA PEMBAIKAN CERUN DI APARTMENT TERATAI, BANDAR BARU SELAYANG, MUKIM BATU, SELANGOR DARUL EHSAN
TARIKH MULA	:	01/01/2022
TARIKH SIAP	:	23/04/2022
KEMAJUAN KERJA	:	(J : 100% / S : 100%) SIAP SEPENUHNYA
CATITAN	:	

semasa



selepas



Kerja-kerja pembaikan PangsapuriRendah Rawang

PROJEK	:	CADANGAN KERJA – KERJA MEMBAIKPULIH CERUN RUNTUH DI KG SEPAKAT BT 16, PANGSAPURI RENDAH RAWANG PERDANA DAN JALAN RP 1, MUKIM RAWANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR
TARIKH MULA	:	05/01/2022
TARIKH SIAP	:	25/05/2022
KEMAJUAN KERJA	:	(Jadual: 100% / Semasa: 100%) SIAP SEPENUHNYA
CATITAN	:	semasa



selepas



Kerja-kerja Pembaikan Tanah Runtuhan di Jalan 12, Kampung Selayang Indah

LAPORAN TANAH RUNTUH 2021

LOKASI	:	NO 6, JALAN 12, KAMPUNG SELAYANG INDAH
TARIKH MULA	:	05/01/2022
TARIKH SIAP	:	27/09/2022
KEMAJUAN KERJA	:	(J:100% / S:100%)
CATITAN	:	

semasa



selepas



Pembaikan Tanah Runtuh di Taman Melati Sri Gombak

PROJEK	:	CADANGAN MEREKABENTUK DAN MEMBINA PEMBAIKAN CERUN DI JALAN MELATI 20, TAMAN SRI MELATI (BERSEMPADANAN JALAN), MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, SELANGOR
TARIKH MULA	:	1 JANUARI 2022
TARIKH SIAP	:	31 MEI 2022
KEMAJUAN KERJA	:	JADUAL : 100% SIAP : 100%
CATITAN	:	

semasa



selepas



Laporan Bahagian Elektrikal

- Lawatan tapak mendapati terdapat lampu yang telah rosak. Penggantian aksesori telah dibuat. Lampu kembali menyala.



- Menukar 2 photocell dan beberapa lampu tidak menyala



- Menukar 1 Set Aksesori. Lampu Kembali Berfungsi Semula Dengan Baik.



- Semakan di tapak mendapati kerosakan pada aksoseri. Penggantian telah dilakukan untuk 5 unit lampu. Kesemua lampu berfungsi dengan baik.



Laporan Bahagian Mekanikal

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Penyelenggaraan/ Pembaikan dibengkel MPS	35
2.	Penyelenggaraan/ Pembaikan di bengkel luar	400
3.	Pembelian Kenderaan Penumpang	8
4.	Pembelian Kenderaan Bukan Penumpang (Lori / Khas)	4
5.	Pembaharuan Insurans	185
6.	Penyelenggaraan tayar dan penggantian	42
7.	Pelupusan Kenderaan (Sijil PEP)	5




Laporan Unit Selengara Bangunan

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Menyelesaikan aduan yang diterima melalui aduan (USB, STARS & SISPAA).	599
2.	Melantik kontraktor panel bagi penyelenggaraan gerai dan pasar.	38
3.	Menaiktaraf/penyelenggaraan kemudahan awam.	28
4.	Penyelenggaraan bangunan pejabat dan bukan pejabat seperti pembaikan bangunan, penyelenggaraan elektrik, lif, hawa dingin dan kawalan serangga perosak.	17



- Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu Limbah Dan Balapan Di Stadium Majlis Perbandaran Selayang
- Kerja-Kerja Penggantian Elektronik Scoreboard Di Stadium Majlis Perbandaran Selayang
- Kerja-Kerja Membina Satu (1) Unit Wakaf Rehat Untuk Penghantar Makanan Bermotosikal Di Lorong Tengah Rumah Kedai Bandar Baru Selayang



JABATAN

Penilaian Dan Pengurusan Harta

JABATAN Penilaian Dan Pengurusan Harta

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab di dalam beberapa aktiviti yang harus dikendalikan seperti merancang, penyelenggaraan dan mengurus harta Majlis Perbandaran Selayang, mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan dan mengurus serta memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS. Jabatan ini diketuai oleh Pn. Sr. Norshima binti Norzlan sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh 131 orang kakitangan dibawah beliau.

FUNGSI JABATAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menjalankan dan menyediakan laporan penilaian ke atas pegangan berkadar dalam kawasan MPS berdasarkan Akta 171 bagi maksud cukai taksiran.
- Memproses tuntutan caruman bantuan kadar bagi pegangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Memproses permohonan tuntutan eluan kosong bagi pegangan berkadar yang tidak dapat didiami atau bagi bangunan kosong.
- Mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan.
- Bertanggungjawab mengemaskini maklumat pegangan.
- Menyediakan laporan penilaian bagi harta-harta MPS untuk tujuan sewaan, insuran dan gadaian.
- Menguruskan sewaan premis sewaan MPS
- Bertanggungjawab menguruskan kemudahan-kemudahan awam seperti stadium, kompleks sukan dan dewan-dewan.
- Menyediakan peralatan untuk majlis-majlis rasmi MPS.
- Bertanggungjawab mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS.
- Menguruskan proses perolehan kerja/perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal



> Pengarah Jabatan

Puan Sr. Norshima binti Norzlan

> Timbalan Pengarah

Puan Sr. Fazlin Mariam binti Mustafa

> Ketua Kerani

Puan Suzana binti Saleh
Encik Mohd Farid bin Daud

> Bahagian / Unit

Bhg. Penilaian
Bhg. Pengurusan Harta
Bhg. Penswastaan & Pelaburan

Unit Kemudahan Awam

Jumlah Kakitangan

131 orang

Sayap A , Tingkat 3
Menara MPS
03-6126 5904

RINGKASAN LAPORAN CUKAI TAKSIRAN

Majlis Perbandaran Selayang 2021

Pecahan Mengikut Kategori

KATEGORI	PEGANGAN (UNIT)	NILAI TAHUNAN (RM)	CUKAI (RM)
PERTANIAN	28,055	137,457,341.71	5,516,668.58
KEDIAMAN	164,116	654,564,000.39	55,242,396.28
PERDAGANGAN	20,256	256,773,716.21	27,731,034.01
PERINDUSTRIAN	7,629	295,201,544.66	35,421,491.77
HARTA KHAS	338	22,618,180.00	1,574,479.37
JUMLAH	220,394	1,366,614,782.97	125,486,070.01

Pecahan Mengikut Mukim

KATEGORI	PEGANGAN (UNIT)	NILAI TAHUNAN (RM)	CUKAI (RM)
BATU	105,058	646,845,416.94	61,569,703.51
RAWANG	101,752	622,196,271.33	56,848,199.43
SETAPAK	13,246	74,954,914.70	5,493,687.70
KAWASAN MPS	338	22,618,180.00	1,574,479.37
JUMLAH	220,394	1,366,614,782.97	125,486,070.01

Nota:

1. Sehingga tarikh kuatkuasa Cukai Taksiran 01 Julai 2022
2. Data daripada Sistem Penilaian pada 21 Mac 2023

Laporan Senarai Harta Sewaan Majlis Bagi Tahun 2022
Bahagian Pengurusan Harta

BIL	ZON/TEMPAT	JUMLAH UNIT	JUMLAH HASIL (RM)
1.	KEPONG	166	418,516.50
	Gerai	29	
	Seri Selera	122	
	Kiosk	5	
	Bengkel	10	
2.	SELAYANG	357	1,232,728.50
	Gerai	239	
	Seri Selera	80	
	Seri Kuih	4	
	Kiosk	4	
	Medan Selera	22	
3.	GOMBAK	453	1,273,586.50
	Gerai	268	
	Seri Selera	159	
	Kiosk	12	
	Bengkel	5	
	Rumah Sewa	6	
	Rumah Kedai	3	
4.	RAWANG	265	667,623.50
	Gerai	109	
	Seri Selera	153	
	Kiosk	1	
	Rumah Kedai	2	
5.	PASAR	1056	830,357.40
	Pasar Bandar Baru Rawang	392	
	Pasar Taman Seri Gombak	93	
	Pasar Batu Arang Fasa 1	25	
	Pasar Batu Arang Fasa 2	35	
	Pasar Bandar Country Homes	181	
	Pasar Taman Ehsan	35	
	Pasar Selayang Baru	295	
	Jumlah	2,291	

Laporan Penswastaan Majlis Tahun 2022

BIL	KETERANGAN	BILANGAN	JUMLAH PENDAPATAN
1.	Projek Usahasama	2	RM 14,000.00
2.	B.O.T	10	RM 412,640.00
3.	Sewa Tapak	100	RM 1,501,974.70
4.	Penswastaan Dewan	7	RM494,315.00
JUMLAH			RM 2,422,929.70

Laporan Pengurusan Aset Tak Alih Majlis Tahun 2022

BIL	ZON / TEMPAT	JUMLAH UNIT
PENJUALAN RUMAH PANGSAPURI KOS RENDAH		
1.	GOMBAK	12
	Rumah Pangsapuri Kos Rendah Taman Desa Batu Caves	6
	Rumah Pangsapuri Kos Rendah Cempaka Taman Pinggiran Batu Caves	6
2.	RAWANG	14
	Rumah Pangsapuri Kos Rendah Taman Rawang Perdana	6
	Rumah Pangsapuri Kos Rendah Taman Desa Sri Bayu	8
JUMLAH UNIT UNTUK DIJUAL		26
TEMPAHAN RUMAH REHAT MPS		
3.	Bayou Lagoon, Melaka	2
4.	Lexis Hibiscus, Port Dickson Negeri Sembilan	1
JUMLAH UNIT UNTUK TEMPAHAN		3

Laporan Senarai Kemudahan Awam Majlis Tahun 2022

BIL	KETERANGAN	BILANGAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
1.	Pengurusan Sewaan/Tempahan Dewan	9	RM 13,119.00
	Dewan Siantan, Kompleks Sukan Seri Siantan		
	Dewan Beringin, Taman Seri Gombak		
	Dewan Datin Zaleha, Kampung Changkat		
	Dewan Seroja, Kampung Bendahara		
	Dewan Sri Kundang, Kampung Melayu Kundang		
	Dewan Ixora, Gamuda Garden Kundang		
	Dewan Merdeka Kuang		
	Dewan Matang Pagar		
2.	Stadium MPS	1	RM 287,580.00
3.	Kolam Renang Kompleks Sukan Sri Siantan	1	RM 33,510.00
4.	Padang Awam	31	RM 570.00
5.	Taman Rimba Bukit Lagong	12	RM 1,125.00
	Dewan		
	Chalet		
	Kawasan Perkhemahan	1	
6.	Peralatan	-	RM 2,166.00
	JUMLAH		RM 146,509.00



JABATAN
**Pembangunan
Masyarakat**

JABATAN Pembangunan Masyarakat

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Pembangunan dan Pengurusan Aktiviti Sukan & Rekreasi, Pengembangan Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian, Pembangunan Belia dan Pembangunan Komuniti & Khidmat Sosial. Jabatan Pembangunan Masyarakat bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan yang berbentuk pembangunan modal insan dan khidmat sosial, generasi muda, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan kesenian serta menjadi pemudah cara yang mesra kepada warga perbandaran Selayang serta mewujudkan sebuah komuniti yang cergas, positif dan bermaklumat. Jabatan Pembangunan Masyarakat diketuai oleh Encik Affendi bin Samingan selaku pengarah jabatan dan dibantu oleh seramai 16 orang staf di bawah seliaan beliau.



FUNGSI JABATAN

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan sukan yang meliputi semua peringkat umur untuk masyarakat Selayang.
- Menyelaras, mengurus dan mengkoordinasikan program bersama komuniti seperti sukan dan kebudayaan, generasi muda dan kemasyarakatan yang melibatkan Majlis diperingkat agensi, daerah, negeri dan kebangsaan.
- Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada semua peringkat yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, swasta, pertubuhan sukan dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.
- Memberi khidmat nasihat dan menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam masyarakat dengan pihak Majlis bagi melaksanakan program-program komuniti setempat.
- Merancang, menyelaras dan mengerakkan program / aktiviti kebudayaan dan kesenian sepanjang tahun di Selayang melalui pendekatan yang bersesuaian kepada masyarakat setempat.
- Memproses permohonan tuntutan perbelanjaan peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program kemasyarakatan yang boleh menggalakkan penyertaan dan peranan aktif masyarakat dalam program Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Majlis.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan generasi muda yang dianjurkan dan disertai memberi manfaat kepada semua golongan generasi muda seterusnya diiktiraf keterlibatannya.

➤ **Pengarah Jabatan**
Encik Affendi bin Samingan

➤ **Timbalan Pengarah**
Puan Noraswalziha binti Ibrahim

➤ **Ketua Kerani**
Tiada

➤ **Bahagian / Unit**
Bhg. Pembangunan Sukan

➤ Bhg. Pembangunan Kebudayaan dan Sukan

Bhg. Kemasyarakatan

Bhg. Kemasyarakatan dan Khidmat Sosial

Bhg. Pembangunan Belia

Jumlah Kakitangan
16 orang

Sayap A , Tingkat 8
Menara MPS
03-6126 5811

Bahagian Pembangunan Sukan

- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti sukan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, menyusun dan mengawal program-program sukan untuk membentuk masyarakat cergas, sihat, berdisiplin, dinamik, tahan lasak dan berdikari dan secara langsung untuk menuju ke arah pencapaian kecemerlangan sukan.
- Mengurus dan menyelaras penyertaan pasukan MPS dalam persiapan menghadapi kejohanan - kejohanan sukan tempatan dan kebangsaan iaitu Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN), Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Selangor (SKT), Kejohanan Sukan Pihak Berkusa Tempatan Malaysia (MALA), Kejohanan Sukan MAKSAK Malaysia.
- Mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjuran program untuk masyarakat seperti memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan untuk mewujudkan masyarakat sihat, cergas dan bersatupadu.
- Memantau dan menilai keberkesanannya pelaksanaan sesuatu program bersama masyarakat.
- Menyelaras pasukan-pasukan anak angkat SUKMA dan MAKSAK Negeri Selangor melalui Program Bapa Angkat yang diterajui oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dan MAKSAK Negeri Selangor.
- Mewujudkan dan mengetengahkan sukan minoriti yang melibatkan golongan komuniti orang kelainan upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak yang saling berhubungan antara sub komuniti dan individu melalui pelbagai program sukan khas yang dirancang.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 10 aktiviti / program sukan telah dilaksanakan dan disertai selia oleh jabatan yang melibatkan penyertaan masyarakat dan staf di peringkat agensi, jawatankuasa penduduk, daerah dan negeri.

Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Sukan

- Menyelaras semua program, aktiviti & persembahan kumpulan kebudayaan MPS :-
 - Kumpulan Gamelan
 - Kumpulan Kugiran
 - Kumpulan Koir
- Menyelaras dan menyelenggara peralatan muzik kumpulan kebudayaan MPS.
- Mengatur langkah-langkah mengelola, mentadbir dan melaksanakan rancangan-rancangan mengenai dengan kebudayaan dan keseniaan.
- Menerima tempahan dari pelanggan dan membuat persembahan di peringkat Majlis atau luar bagi kumpulan kebudayaan MPS.
- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan keseniaan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kebudayaan dan keseniaan yang meliputi semua kaum di seluruh kawasan MPS.
- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.
- Merancang dan mengembangkan seni budaya kepada generasi baru melalui pendekatan yang bersesuaian bagi meneruskan usaha memartabatkan seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memartabatkan semula warisan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum bagi tujuan pendidikan dan sumber rujukan bagi generasi yang akan datang.
- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.

- Merancang dan mengembangkan seni budaya kepada generasi baru melalui pendekatan yang bersesuaian bagi meneruskan usaha memartabatkan seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memartabatkan semula warisan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum bagi tujuan pendidikan dan sumber rujukan bagi generasi yang akan datang.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 21 tempahan / jemputan persembahan / bengkel / program dan penyertaan pertandingan yang telah diterima dan disertai oleh kumpulan kebudayaan MPS.

Senarai Aktiviti / Program Kebudayaan MPS 2022

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Latihan Pemantapan Muzik bagi Kumpulan Koir, Gamelan & Akustik MPS	Mac	Studio, MPS
2.	Persembahan Kumpulan Kebudayaan MPS Sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	1 April 2022	Setia EcoTempler Ballroom, Rawang
3.	Pertandingan Nasyid Voice Of Ramadhan	11 - 26 April 2022	Secara Dalam Talian
4.	Persembahan Sempena Program Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah Gombak Tahun 1443H/2022M	16 Mei 2022	Taman Melawati
5.	Persembahan Sempena Majlis Mesra Aidilfitri MPS Tahun 2022	27 Mei 2022	Perkarangan Menara, MPS
6.	Persembahan Sempena Rumah Terbuka Aidilfitri Dun Rawang Dan Parlimen Selayang	29 Mei 2022	Dataran Niaga, Taman Jati, Rawang
7.	Persembahan Sempena Rumah Terbuka Aidilfitri Dun Sungai Tua 2022	31 Mei 2022	Dataran Sungai Tua, Warta Lama
8.	Bengkel Teori & Praktikal Muzik Akustik Siri 1	13, 14 & 16 Jun 2022	Studio Muzik, MPS
9.	Bengkel Teori & Praktikal Gamelan Tradisional Siri 1	15, 20 & 30 Jun 2022	Studio Muzik, MPS
10.	Bengkel Kemahiran Vokal Siri 1	22, 23 & 24 Jun 2022	Studio Muzik, MPS
11.	Bengkel Teori & Praktikal Muzik Akustik Siri 2	26,27 & 28 Julai 2022	Studio Muzik, MPS
12.	Bengkel Teori & Praktikal Gamelan Tradisional Siri 2	2, 3 & 4 Ogos 2022	Studio Muzik, MPS
13.	Bengkel Teori & Praktikal Kemahiran Asas Vokal Siri 2	15, 16 & 18 Ogos 2022	Dewan Keraian & Studio Muzik, MPS
14.	Battle Of Buskers Lagu Rakyat Sempena Program Kita Rewang Sekampung Daerah Gombak 2022	29, 30 & 31 Ogos 2022	Dataran Kompleks Penghulu Mukim Kuang
15.	Persembahan Kumpulan Akustik D'xoras sempena Program Karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang Kampung Selayang Baru Bersama Dato' Menteri Besar Selangor	10 Oktober 2022	Dataran Sekolah Cina, Selayang Baru
16.	Pertandingan Rentak Buskers MBSJ 2022	22 Oktober 2022	Majlis Bandaraya Subang Jaya
17.	Bengkel Teori & Praktikal Muzik Akustik Siri 3	8, 9 & 10 November 2022	Studio Muzik, MPS
18.	Bengkel Teori & Praktikal Gamelan Tradisional Siri 3	15, 16 & 17 November 2022	Studio Muzik, MPS
19.	Persembahan Kumpulan Akustik D'xoras sempena Majlis Jasamu Dikenang	30 November 2022	Dewan Keraian, MPS
20.	Battle Of The Band MPS 2022	10 Disember 2022	Dataran Sungai Tua, Batu Caves
21.	Bengkel Teori & Praktikal Kemahiran Asas Vokal Siri 3	13, 14 & 15 Disember 2022	Dewan Keraian & Studio Muzik, MPS



Bahagian Kemasyarakatan dan Khidmat Sosial

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 45 program di bawah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan 8 program utama MPS telah dilaksanakan.

BIL	PERKARA	JKP	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Gotong-Royong	1	27/11/2022	SMK Sungai Pusu, Gombak
2.	Kejohanan Bola Sepak U21 Piala Ahli Majlis Zon 3 MPS	3	27/11/2022	Padang Bola Sepak Taman Greenwood
3.	Program Back To School	3	10/12/2022	Pasaraya Karnival, Dataran Selayang
4.	Program Hot Thermal Fogging (Kawalan Nyamuk Secara Semburan Kabus) JKP Zon 4	4	03/12/2022	Sekitar Dewan-Dewan Dan Rumah Ibadat Di JKP Zon 4
5.	Program Gotong Royong Bersama Penduduk Sri Gombak, Pendidik Tadika Kemas Dan AJK KRT Puncak Sri Gombak Dengan JKP Zon 4	4	10/12/2022	Dewan Kemas / KRT Puncak Sri Gombak
6.	Pertandingan Liga Paintball JKP Zon 7	7	06/11/2022	Paintball Sungai Pusu (Dusun Ali King)
7.	Kejohanan Bola Jaring JKP Zon 8 MPS	8	12/11/2022	Gelanggang Futsal, Taman Batu Caves
8.	Kejohanan E-Sports FIFA Online PS4		11/12/2022	Dewan JKP Zon 8 MPS
9.	Pertandingan Sepak Takraw	9	04/12/2022	Dewan Beringin, Sri Gombak
10.	Pertandingan "E-Games" Piala Ahli Majlis Zon 9		11/12/2022	Pejabat Ahli Majlis Zon 9
11.	Kejohanan Bowling Piala Ahli Majlis JKP Zon 10	10	08/12/2022	Arena Bowling, Selayang Mall
12.	Program Back To School JKP Zon 10		11/12/2022	Sekitar Kawasan JKP Zon 10
13.	Program Kursus Mengait Kepada Wanita Di Sekitar JKP Zon 11 MPS Siri 1/2022 Bagi Bulan Mac 2022	11	6, 13 & 20/03/2022	Pejabat Ahli Majlis JKP Zon 11
14.	Program Kursus Smart Fatihah Remaja Siri 1/22		19/06/2022	Musolla One Selayang, Annurul Kareem
15.	Program Senaman Ringkas "Slow Jogging" Untuk Masyarakat Setempat Anjuran JKP Zon 11 MPS		06/11/2022	Kawasan Taman Permainan Prima Selayang
16.	Program Liga Penalti JKP Zon 12 (Kategori Bawah 17 Tahun & Terbuka)	12	26/02/2022	Padang Bola Sepak Taman Bidara
17.	Program Kibarkan Jalur Gemilang Sempena Menyambut Hari Kemerdekaan – JKP Zon 12		31/08/2022	Forest Skywalk FRIM, Kepong
18.	Program Kempen Jom Derma Darah & Pemeriksaan Kesihatan (Sempena Hari Malaysia)		29/10/2022	Dewan Taman Selayang Utama
19.	Program Back To School 2022	13	03/12/2022	Mydin Selayang
20.	Program Gaya Hidup Sihat – Aktiviti Zumba		08/12/2022	Padang Taman Daya, Jalan 26, Kepong
21.	Program Kibarkan Jalur Gemilang Sempena Hari Kemerdekaan Ke – 65 Dan Hari Malaysia Ke - 59	14	14/08/2022	Dataran Tasik Taman Bersatu, Rawang
22.	Program Ceria Kembali Ke Sekolah 2023		03/12/2022	Dewan MPKK, Kg. Kenanga
23.	Program Santai Futsal Ahli Majlis Zon 15	15	26/11/2022	EPL Futsal Rawang
24.	Program Back To School JKP Zon 15		27/11/2022	Pejabat JKP Zon 15

25.	Program Gotong-Royong Bersama Penduduk JKP Zon 16	16	12/06/2022	Padang Taman Sri Rawang
26.	Program Pembangunan Komuniti Wanita (Women Empowerment) – Kelas Membuat Kek JKP Zon 16		27/08/2022	Persatuan Kebajikan Sri Saradha Devi Illam Malaysia, Rawang
27.	Program Back To School		03/12/2022	Pusat Fesyen Pakaian Hari-Hari Rawang
28.	Program Membuat Kalung Bunga Dengan Menggunakan Benang Kait	17	29/05/2022	Dewan Bandar Country Homes, Rawang
29.	Program Bercerita Dan Pertandingan Mewarna Sempena Hari Kemerdekaan 2022 JKP Zon 17		20/08/2022	Dewan Bandar Country Homes, Rawang
30.	Program Gotong-Royong Perdana 2022		21/08/2022	Sekitar Kawasan Bandar Country Homes, Rawang
31.	Program Gotong-Royong JKP Zon 18	18	20/02/2022	Blok 6, Bandar Tasik Puteri, Rawang
32.	Program Gotong-Royong Perdana 2022 JKP Zon 18		13/08/2022	Gerai Pekan Batu Arang
33.	Program Back To School JKP Zon 18		29/11/2022	Pejabat Ahli Majlis JKP Zon 18
34.	Program Larian Hari Merdeka JKP Zon 19	19	31/08/2022	Padang Awam Kg. Setia, Kuang
35.	Program Back To School JKP Zon 19		28/11/2022	Pejabat Ahli Majlis JKP Zon 19
36.	Program Sempena Hari Wanita – Seri Wajah (Solekan Buat Wanita) JKP Zon 20	20	20/03/2022	Dewan Impian Indah, Jalan Matang Pagar
37.	Program Kecantikan & Kesihatan Wanita Orang Asli Ulu Kuang Zon 20 Matang Pagar		26/06/2022	Dewan Kampung Masyarakat Orang Asli Ulu Kuang
38.	Program Kesihatan Senamrobik Bersama Penduduk Di Taman Impian Indah JKP Zon 20		04/12/2022	Gelanggang Futsal Taman Impian Indah, Matang Pagar
39.	Bengkel Shinbori Tie Dye – Shawl (Batik)	21	04/12/2022	Dewan Kuarters Integrasi Per-guruan Sg. Buloh
40.	Program Kejuaraan Permainan Digital PUBG Mobile Jawatankuasa Penduduk Zon 21		10/12/2022	Dewan Komuniti Kampung Melayu Sungai Buloh
41.	Bengkel Chocolate Balloon Bouquet JKP Zon 21		11/12/2022	Dewan Kg. Orang Asli Bukit Lagong Sg. Buloh
42.	Pertandingan Badminton Piala Pusingan JKP Zon 22 MPS	22	03/12/2022	Gelanggang Badminton TSB Sungai Buloh
43.	Program Gotong-Royong Penanaman Pokok Sempena 25 Tahun Jubli Perak Majlis Perbandaran Selayang		17/12/2022	Taman Azalea Rahman Putra & Taman Bukit Rahman Putra 7/1
44.	Program Back To School JKP Zon 24	24	24/11/2022	
45.	Program Adventure Belia JKP Zon 24		18/12/2022	
46.	Sambutan Hari Wanita MPS	JPM	19 Mac 2022	
47.	Program Ihya Ramadhan 2022	JPM	25 April 2022	
48.	Masih Ada Yang Sayang 2022	JPM	29 Jun 2022	
49.	Program Selayang Prihatin 2.0 Peringkat MPS	JPM	•4 Julai 2022 (Siri 1) •18 Okt 2022 (Siri 2) •21 Dis 2022 (Siri 3)	
50.	Program Big Boys' Camp Shields	JPM	2 – 4 November 2022	
51.	Program Ceria Kembali Ke Sekolah	JPM	24 November -19 Disember 2022	



Bahagian Pembangunan Belia

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 3 program utama MPS telah dilaksanakan.

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Memasak Bubur Lambuk Peringkat Majlis Perbandaran Selayang 2022	21 April 2022	Ruang Parkir MPS
2.	Cabaran Paintball Rookie 3 VS 3 Sempena Karnival Ektreme Gua Damai Majlis Perbandaran Selayang 2022	10 - 11 September 2022	Taman Ekstrem Gua Damai, Batu Caves
3.	Program Komuniti Pendidikan Majlis Perbandaran Selayang 2022	26 November 2022	Dewan Wadi Budi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN **Audit Dalam**

JABATAN Audit Dalam

Jabatan Audit Dalam Majlis Perbandaran Selayang telah diwujudkan pada tahun 2003 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004. Jabatan Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Laporan Audit yang dihasilkan adalah berdasarkan semakan dan pemerhatian fizikal serta soal jawab bersama auditee dalam memberi pendapat dan syor yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Aktiviti pengauditan yang dijalankan memberi penekanan kepada aspek-aspek pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan berkaitan dengan organisasi, dasar, peraturan dan prosedur yang telah dikuatkuasa bagi mengukuhkan sistem kawalan dalaman, kewangan dan pentadbiran. Jabatan Audit Dalam diketuai oleh En Hairudin bin Daud dan dibantu oleh 9 orang kakitangan.

FUNGSI JABATAN

Jabatan Dalam MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Meremiksa dan mengkaji kelancaran serta kesesuaian perjalanan sistem kawalan dalam Majlis yang telah sedia ada. Seterusnya mengemukakan cadangan pembetulan bagi memperbaiki sebarang kepincangan yang dikenalpasti.
- Melaksanakan tugas audit pengurusan dengan menyemak dan meneliti perjalanan serta operasi pengurusan setiap jabatan untuk memastikan pergerakannya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar-dasar yang telah ditetapkan.
- Menjalankan Audit Prestasi ke atas projek-projek Majlis yang telah dijalankan dengan meneliti sama ada ianya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Menjalankan tugas audit kewangan ke atas setiap hal ehwal pengurusan kewangan Majlis untuk memastikan beberapa prinsip audit kewangan dipatuhi.
- Menjalankan audit pematuhan/ khas dengan mengesan perbuatan salah laku.
- Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- Menjalankan siasatan ke atas aduan dan kes-kes yang melibatkan tatatertib. Memproses permohonan tuntutan perbelanjaan peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program kemasyarakatan yang boleh menggalakkan penyertaan dan peranan aktif masyarakat dalam program Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Majlis.



- **Pengarah Jabatan**
Encik Harudin bin Daud
- **Timbalan Pengarah**
Puan Khairina binti Mohd Kadry
- **Ketua Kerani**
Tiada
- **Bahagian / Unit**
Unit Prestasi & Pengurusan Kewangan
Unit Tadbir Urus Bhg. Pentadbiran
- **Jumlah Kakitangan**
9 orang

Sayap B , Tingkat 6
Menara MPS
03-6126 5836

Laporan Tahunan Jabatan Audit Dalam Bagi Tahun 2021

BIL	PERKARA	KUANTITI SASA-RAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN	OBJEKTIF
1.	Audit Tadbir Urus	9 laporan	9 laporan	100 %	Pengurusan mempunyai struktur, sistem dan prosedur bagi mencapai matlamat pengurusan yang berkesan.
2.	Audit Pengurusan Kewangan	7 laporan	7 laporan	100 %	Menentukan sama ada pengurusan kewangan di jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
3.	Audit Prestasi	11 laporan	11 laporan	100 %	Menilai sama ada aktiviti dan projek Majlis dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
4.	Audit Khas (Ad-hoc)	2 laporan	3 laporan	150 %	Audit yang dijalankan berdasarkan arahan daripada pihak pengurusan MPS atau aduan yang diterima.

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN
**Kontrak dan
Ukur Bahan**

JABATAN Kontrak Dan Ukur Bahan

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab mengendalikan 8 aktiviti utama iaitu menyemak penjualan dan menyediakan dokumen, menyediakan dokumen tender, menguruskan penjualan dokumen sebut harga dan tender termasuk menyediakan notis iklam, menyediakan laporan penilaian sebut harga/tender, menyemak dokumen kontrak, mengurusetrikan mesyuarat jawatankuasa sebut harga dan tender, mesyuarat jawatankuasa teknikal dan kewangan, perunding dan pelupusan aset.

FUNGSI JABATAN

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Menguruskan proses tender dan sebutharga bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan termasuk membuat kajian harga pasaran.
- Menguruskan penyediaan dokumen kontrak bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender, Jawatankuasa Sebutharga dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.



> **Pengarah Jabatan**
Puan Zanariah binti Md Zain

> **Timbalan Pengarah**
Puan Aisah binti Zabari

> **Ketua Kerani**
Puan Harslina binti Ariff

> **Bahagian / Unit**
TIADA
Jumlah Kakitangan
11 orang

> Sayap B, Tingkat 6
Menara MPS
03-6126 5838

Pelaksanaan Sebut Harga Dan Tender Terbuka

BIL	PERKARA	KUANTITI
1.	Tender	20
2.	Sebutharga	148
JUMLAH		168

Pelaksanaan Sebut Harga Dan Tender Mengikut Pecahan

BIL	PERKARA	KUANTITI
1.	Bekalan	25
2.	Perkhidmatan	27
3.	Kerja	116
Jumlah		168

MUKASURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN
**Teknologi
Maklumat**

JABATAN Teknologi Maklumat

Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras terhadap semua keperluan perkakasan ICT, sistem aplikasi, sistem rangkaian komputer, keselamatan pangkalan data Majlis dan penyelenggaraan laman web Majlis. Jabatan ini diketuai oleh Encik Hasmawi bin Mat Junit sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu oleh 23 orang staf di bawah beliau.

FUNGSI JABATAN

Jabatan Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Merancang dan melaksanakan Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan.
- Merancang dan menguruskan peralatan komputer Majlis.
- Merancang, merekabentuk dan melaksanakan sistem aplikasi untuk menyokong operasi Majlis.
- Merancang dan mengurus Sistem Rangkaian dan Keselamatan Majlis.
- Mengurus dan mentadbir pengoperasian pusat data.
- Merancang dan menjalankan program-program ICT Majlis.

Aktiviti Sistem

Majlis Perbandaran Selayang telah menggunakan sistem perkomputeraan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas - tugas harian. Ini termasuklah daripada kerja-kerja menyimpan maklumat penilaian, pengeluaran bil taksiran, kutipan, belanjawan, pengurusan aset Majlis dan lain-lain lagi. Sistem-sistem yang digunakan di MPS terbahagi kepada dua iaitu Sistem Integrasi Majlis dan Sistem Aplikasi Sokongan.

